

29 MAR 1997

Nik Aziz-Forum

NIK AZIZ DIJEMPUT HADIR FORUM ANUGERAH MALEK FAISAL

KOTA BAHARU, 29 Mac (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat akan dijemput menganggotai panel Forum mengenai Anugerah Raja Malek Faisal Raja Arab Saudi kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada 3 April ini.

Forum yang dianjurkan oleh Badan Perhubungan Umno Kelantan itu akan diadakan di Dewan Perkumpulan Perempuan Kelantan (PPK) di sini pada pukul 11 malam.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan Datuk Annuar Musa berkata, dua panel lagi yang akan mengambil bahagian ialah Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi dan Pengarah Pusat Islam Datuk Zainal Abidin Abdul Hamid.

"Surat jemputan kepada ketiga-tiga panel itu telah pun dihantar oleh Timbalan Ketua Penerangan Umno Kelantan Datuk Rozali Isohak," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan kepada pelajar miskin di kediamannya di Bukit Marak di sini, semalam.

Annuar berkata, forum berkenaan bukan bertujuan politik tetapi sebagai memperingati penganugerahan yang sangat bermakna bagi umat Islam dan rakyat Malaysia.

Katanya, Malaysia adalah sebuah negara kecil dan penganugerahan dari negara Islam itu terhadap pemimpin negara ini perlu dibanggakan oleh rakyat tanpa mengira bangsa dan agama.

Forum berkenaan akan membincangkan kejayaan Perdana Menteri dalam menerajui negara dari pelbagai aspek yang meliputi ekonomi, agama dan pembangunan yang dapat dinikmati oleh semua rakyat, katanya.

Beliau berkata, forum berkenaan merupakan yang pertama dalam siri seterusnya selepas ini yang akan menjemput pemimpin-pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) termasuk MCA, MIC dan Gerakan, katanya.

Pada majlis itu Annuar menyampaikan bantuan kepada 150 murid miskin dari sekolah-sekolah rendah dan menengah di seluruh Kelantan.

Bantuan tersebut yang kesemuanya berjumlah RM30,000 disumbangkan oleh tokoh-tokoh korporat Melayu yang berjaya dalam bidang perniagaan. --

BERNAMA

WM WAT